

**PENDEKATAN AS-SUNNAH DALAM MENDEPANI MASALAH DISIPLIN  
PELAJAR: KAJIAN TERHADAP KUTUB SITTAH**

**Abdul Halim Bin Remly**

Universiti Sains Islam Malaysia

Negeri Sembilan, Malaysia

ibnuremly@gmail.com

**Dr. Amran Abdul Halim**

Universiti Sains Islam Malaysia

Negeri Sembilan, Malaysia

**Prof Madya Dr Ahmad Sanusi Bin Azmi**

Universiti Sains Islam Malaysia

Negeri Sembilan, Malaysia

**ABSTRAK**

Masalah disiplin dalam kalangan pelajar sering menjadi tajuk perbincangan hangat oleh banyak pihak. Menurut Kamus Dewan, disiplin bermaksud latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh kepada tata tertib. Keruntuhan disiplin dalam kalangan pelajar sekolah pada hari ini banyak memberi kesan negatif kepada sistem pendidikan negara. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti masalah disiplin pelajar serta jalan penyelesaiannya menurut acuan kenabian. Kajian ini menfokuskan kaedah kajian kualitatif dengan penelitian terhadap hadis-hadis yang berkaitan dengan sahsiah serta kelebihan mengamalkan nilai-nilai murni. Hasilnya, setiap masalah disiplin yang sering berlaku dalam kalangan pelajar seperti merokok, peras ugut, masalah ketagihan dan ponteng sekolah mempunyai jalan penyelesaiannya yang bertepatan dengan Sunnah Rasulullah SAW.

**Kata kunci:** Disiplin, Keruntuhan Akhlak, Nasihat, Rotan.

**Pendahuluan**

Bidang pendidikan merupakan satu elemen yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi dan sahsiah kepada sesebuah negara. Ini adalah kerana pendidikan yang berkualiti dipercayai mampu menghasilkan dan melahirkan modal insan yang mampu berfikiran kritis, kreatif, dan inovatif (Abdul Wahab et al, 2020) serta mampu memcorak negara ke arah yang lebih cemerlang dan berdaya saing di persada antarabangsa. Namun begitu bidang pendidikan sering kali decemari oleh masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar sedikit sebanyak dapat memberi kesan negative kepada pembangunan sahsiah sosial dan kesihatan. Kita dapat melihat setiap sekolah yang ada di rantau Asia ini mahupun di pelusuk dunia ini 80 peratus daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap sekolah ialah masalah disiplin iaiti gejala salah laku pelajar yang serius (Lian et al, 2005).

Di sekolah, disiplin adalah peraturan yang dikenakan ke atas pelajar dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman. Hukuman boleh ditakrifkan sebagai insentif untuk memperbetulkan tingkah laku pelajar (Mazlan et al, 2016). Setiap hukuman yang dijalankan mestilah bertepatan dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta hukuman yang dikenakan mestiah dengan niat untuk mendidik dan bukan sebaliknya. Selain itu, Mekanisme disiplin dijalankan bertujuan untuk memupuk pertumbuhan dan mewujudkan perhubungan yang sihat antara semua masyarakat sekolah. (Yahaya, & Ahmad).

## **Metodologi**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis atau lebih dikenali analisis dokumen. Proses analisis dokumen dalam kajian ini dilakukan terhadap hadis-hadis Rasuullah SAW dari Kutub Sittah yang berkaitan dengan pengurusan maslaah sahsiah diri serta kesan apabila melakukannya sebagai sumber primer. Manakala bagi sumber skunder pula merujuk kepada masalah disiplin yang sering kali dilaporkan berlaku dalam kawasan sekolah, satu kajian kepustakaan telah dijalankan bagi mendapatkan data mengenai tingkah laku disiplin pelajar. Kaedah analisis data yang diterapkan dalam analisis kajian penulisan ini adalah secara deskriptif bagi menjelaskan dan membuktikan bahawa setiap masalah disiplin yang berlaku mempunyai perbahasan menegikut Sunnah Rasulullah SAW.

## **Dapatan Kajian**

Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, terdapat empat jenis masalah disiplin yang sering dilaporkan berlaku di sekolah iaitu, ponteng sekolah, merokok, peras ugut dan buli.

## **Ponteng Sekolah**

Masalah ponteng sekolah adalah salah satu masalah disiplin yang sering terjadi di setiap sekolah di Malaysia. Terdapat pelbagai faktor-faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah dimana iaanya berpunca daripada guru, sikap pelajar, rakan sebaya dan juga ibu bapa dimana mereka banyak mempengaruhi pelajar-pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah (Lukman et al 2019). Ponteng sekolah sebenarnya merupakan punca utama kepada masalah disiplin yang lain seperti merokok, ketagihan dan sebagainya.

## **Merokok**

Merokok dalam kalangan pelajar sekolah bukanlah satu perkara yang baru. Faktor yang menyebabkan para pelajar terlibat dengan gejala merokok adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya, perasan ingin tahu atau ingin mencuba perkara baru dan terpengaruh dengan ahli keluarga yang lain yang merokok terutamanya bapa. Merokok pada usia muda boleh mendarangkan pelbagai masalah teurtamanya apabila rokok dijadikan sebagai ‘gateway’ kepada dadah yang lebih merbahaya seperti Ganja, Amphetamine dan Heroin (Rashidi, 2014)

## Peras Ugut dan Buli

Peras ugut merupakan perbuatan meminta wang secara paksa dan kekerasan. Perbuatan ini berkait rapat dengan perbuatan buli kerana jika tidak diberi wang, mangsa berkenaan akan dicederakan. Manakala, perbuatan buli pula boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan negatif yang dilakukan oleh seseorang yang lebih kuat atau berkuasa kepada orang lain dengan niat untuk mendatangkan ketakutan atau kecederaan secara berulang kali.

Berdasarkan proses penelitian terhadap hadis Rasulullah SAW terbahagi kepada 2 tema utama iaitu hadis berkaitan dengan kaedah pendekatan melalui nasihat, pendekatan melalui hukuman seperti yang dianjurkan oleh Nabi SAW.

## Hadis Berkaitan Dengan Pendekatan Menasihati

### Ponteng Sekolah

Menelusuri pembacaan dan kajian ilmiah terhadap hadis-hadis Rasulullah berkaitan dengan kepentingan ilmu yang bleh diterapkan kepada para pelajar bagi mengekang gejala ponteng sekolah yang kian meningkat saban hari. Menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas berkata, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يُتَمِسُّ فِيهِ عِلْمًا، سَهَلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَنْذَارُونَهُ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَّلْتُ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَغَشِّيَّتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَقَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرْهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدُهُ

Maksudnya: Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinhah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya (HR Muslim: 4867).

Selain itu, dariada Shafwan RA berkata bahawa sesungguhnya dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ خَارِجٍ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ إِلَّا وَضَعَتْ لَهُ الْمَلَائِكَةُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا إِمَّا يَصْنَعُ

Maksudnya: Tidaklah seseorang yang keluar dari rumahnya untuk menuntut ilmu kecuali para malaikat akan mengembangkan sayap-sayapnya untuk orang tersebut kerana redha dengan apa yang ia kerjakan.” (HR Ibnu Majah: 222)

Daripada kedua-dua hadis di atas, jelas menggambarkan bahawa agama islam sangat mengangkat martabat orang berilmu dan mempunyai kedudukan yang sangat mulia di sisi agama. Perbuatan ponteng sekolah adalah satu perbuatan yang sangat merugikan serta membazir masa dan tenaga. Masa di alam persekolahan sepatutnya digunakan dengan sebaiknya dengan menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajaran bagi mencapai kejayaan di kemudian hari.

### Merokok

Terdapat nas-nas syarak yang menghabarkan mengenai akan bahaya merokok kepada sistem tubuh badan manusia. Antaranya adalah seperti yang disebut di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Saeed Al-Khudri, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارٌ

Maksudnya: “Tidak ada kemudharatan dan tidak boleh berbuat kemudharatan.”

(HR Ibnu Majah: 2340)

Merujuk kepada hadis di atas jelas menggambarkan bahawa islam sangat melarang perbuatan yang dapat memberi kesan bahaya dan kemudaratan keada diri sendiri, orang sekeliling dan alam sekitar. Perbuatan merokok bukan sahaja membahayakan diri sendiri, bahkan melalui asap rokok yang dilepaskan itu juga dapat memberi kesan buruk kepada orang lain. Antara kesan dan bahaya asap rokok kesihatan tubuh badan dan orang sekeliling adalah seperti yang berikut:

Asap rokok mengancam nyawa kanak-kanak.

Merokok mengakibatkan penyakit strok.

Merokok mengakibatkan serangan jantung.

Merokok mengakibatkan kanser paru-paru. (Saha et al 2007)

Selain itu perbuatan merokok bukan sahaja membahayakan kesihatan malah berlaku pembaziran wang. Tidak data disangkal lagi, menggunakan wang untuk membeli rokok itu adalah sama ertinya dengan membuang wang. Sabda Rasulullah saw daripada al-Mughirah bin Syu'bah bahawa Rasulullah saw bersabda:

إِنَّ اللَّهَ حَرَمَ عَلَيْكُمْ: عُفُوقَ الْأَمْهَاتِ، وَوَادِ الْبَنَاتِ، وَمَنْعَ وَهَاتِ، وَكَرِهَ لَكُمْ قِيلَ وَقَالَ،  
وَكَثْرَةُ السُّؤُالِ، وَإِضَاعَةُ الْمَالِ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah mengharamkan keatas kamu penderhakaan terhadap ibu-ibu, membunuh anak-anak perempuan, menegah daripada banyak karenah, benci kepada kamu bercakap yang bukan-bukan dan banyak soal serta membazir harta.” (HR Bukhari: 5975 dan Muslim: 593)

Dalam konteks pelajar sekolah wang harian yang dibekalkan oleh ibu bapa sepatutnya dibelanjakan untuk keperluan harian di sekolah, akan tetapi wang tersebut telah disalahgunakan

oleh mereka untuk membeli rokok. Di sini telah berlaku satu bentuk penyelewengan terhadap amanah anak-anak kepada kedua orang tuanya. Perlu diingati bahawa penyelewangan terhadap amanah yang diberikan merupakan satu dosa di sisi Allah SWT. Daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

آيَةُ الْمَنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا اتَّمَمَ حَانَ

Maksudnya: Tanda orang munafik itu tiga: apabila berbicara dia bohong, apabila berjanji dia inkari dan apabila diberi amanah dia khianat. (HR Bukhari 33 dan Muslim 59)

Melalui hadis ini, dapat difahami bahawa mengkhianati amanah yang diberikan merupakan salah satu ciri orang munafik. Amanah boleh ditafsirkan dalam pelbagai bentuk sama ada amanah terhadap diri sendiri, amanah dalam melakukan kewaipan sebagai seorang muslim, amanah terhadap kepercayaan, amanah terhadap wang dan sebagainya.

### **Peras Ugut dan Buli**

Allah SWT mlarang orang yang beriman mengambil dan memakan harta sesame mereka secara batil. Memakan harta secara batil termasuklah mendapatkannya melalui memeras, merampas tanpa hak, menipu dan sebainya. Daripada Amru bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَحِلُّ مَالُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِطِيبِ نَفْسٍ مِنْهُ

Maksudnya: Tidak halal mengambil harta seorang muslim kecuali dengan kerelaan hatinya. (HR Ahmad: 20170).

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Umamah bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ افْتَطَعَ حَقًّا امْرِئٍ مُسْلِمٍ بِيمِينِهِ، فَقَدْ أَوْجَبَ اللَّهُ لِهِ النَّارَ، وَحَرَّمَ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ فَقَالَ رَجُلٌ:  
وَإِنْ كَانَ شَيْئًا يَسِيرًا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَقَالَ: وَإِنْ قَضِيَّاً مِنْ أَرْزَاقِ

Maksudnya: Barangsiapa yang mengambil harta saudaranya, maka Allah SWT mewajibkan dia masuk neraka dan mengharamkan keatasnya syurga. Lalu ada seorang yang bertanya, Wahai Rasulullah, meskipun hanya sedikit? Baginda bersabda: Meskipun hanya sebatang kayu araak (kayu untuk siwak).

Daripada hadis di atas dapat dirumuskan bahawa perbuatan mengambi hak orang lain tanpa kerelaannya merupakan satu perbuatan sangat dilarang dalam islam dan balasannya sangat berat di sisi Allah SWT.

Perbuatan memeras ugut tidak dapat dipisahkan dengan perbuatan buli. Gejala buli merupakan salah satu perbuatan keganasan yang dikesan berlaku dalam sektor pendidikan dunia hari ini dan diakui oleh pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai masalah kesihatan sedunia terhadap remaja dan kanak-kanak sebagai subjek yang boleh mendatangkan kemudarat. (Chester, K.L et al., 2015)

Daripada Abu Hurairah RA dia berkata: bahwasanya Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَحَاسِدُوا وَلَا تَنَاجِشُوا وَلَا تَبَاعِضُوا وَلَا تَدَابِرُوا وَلَا يَيْغُرُ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ وَكُوْنُوا عِبَادًا  
الله إِخْوَانًا . الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْدُلُهُ وَلَا يَكْذِبُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ . التَّقْوَى هُنَّا –  
وَيُشَيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَاتٍ – بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ ، كُلُّ الْمُسْلِمِ  
عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ [رواه مسلم: 4650]

Maksudnya: Janganlah kalian saling dendki, saling menipu, saling marah dan saling memutuskan hubungan. Dan janganlah kalian menjual sesuatu yang telah dijual kepada orang lain. Jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang muslim adalah saudara bagi muslim yang lainnya, (dia) tidak menzaliminya dan mengabaikannya, tidak mendustakannya dan tidak menghinanya. Taqwa itu disini (seraya menunjuk dadanya sebanyak tiga kali-). Cukuplah seorang Muslim dikatakan buruk jika dia menghina saudaranya yang muslim, Setiap muslim atas muslim yang lain; haram darahnya, hartanya dan kehormatannya “(HR. Muslim 4650).

أَنَّهُ كَانَ يَجْتَنِي سِوَاكًا مِنْ الْأَكْرَابِ وَكَانَ دَقِيقَ السَّاقَيْنِ فَجَعَلَتِ الرِّيحُ تَكْفُؤُهُ فَصَحَّلَ الْقَوْمُ  
مِنْهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِمَّ تَضْحَكُونَ قَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ مِنْ دِفْقَةِ سَاقَيْهِ  
فَقَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَهُمَا أَثْقَلُ فِي الْمِيزَانِ مِنْ أَحَدٍ

Maksudnya bahawa Ibnu Mas'ud memetik siwak dari pohon arak dan ia memiliki betis yang kecil, tiba-tiba angin menyingkap kedua kakinya lalu orang-rang mentertawakannya. Rasulullah SAW, “apa yang kalian tertawakan?” mereka menjawab; Wahai Nabiyullah, kami mentertawakan betisnya yang kecil, maka baginda bersabda, “Demi Dzat yang jiwaku berada di tangan-nya, sesungguhnya kedua betisnya lebih berat timbangannya dari gunung Uhud.” (HR Ahmad: 3792)

Melalui hadis ini mempunyai banyak ketetapan hukum dan faedah yang besar kepada umat Islam dalam mencapai matlamat kesempurnaan agama Islam yang mulia serta melindunginya daripada sebarang kecacatan yang boleh mendatangkan sebarang bentuk perpecahan dan pergaduhan sesama insan (Abd Aal, 2016).

Selain itu, Nabi SAW mengajurkan umatnya saling mengasihi dan mengamalkan akhlak mulia

dalam urusan kehidupan harian sesama insan. Sebarang bentuk penindasan, penipuan, hasad dengki dan kejahatan lain boleh membawa kepada kemudaratan dan perpecahan. Umat Islam dilarang membenci dan terlibat perkara-perkara yang boleh menimbulkan kebencian seperti mengumpat, menghina mengeji dan sebagainya.

Setiap mukmin adalah bersaudara, kesatuan hati adalah sangat penting dalam menjaga keharmonian serta keamanan dan sebarang bentuk kemudaratan yang timbul haruslah dicegah. Salah satu bentuk kemudaratan paling besar yang mesti dijauhi dari saudara Muslim adalah kezaliman, dan ini tidak khusus untuk orang Islam sahaja, malah diharamkan untuk semua orang (Al-Sa'idi, 2016).

### **Hadis Berkaitan Dengan Pendekatan Menghukum**

Dalam kaedah mendidik dan menghukum, salah satu cara yang disarankan oleh Rasulullah s.a.w. ialah kaedah rotan. Kaedah ini diekstrak daripada Hadis Nabi s.a.w. tentang kewajipan ibu-bapa mengajar anak-anak akan ibadat solat. Nabi s.a.w. bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَ هُمْ أَبْنَاءُ سَبْعٍ سِنِينَ ، وَ اضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَ هُمْ أَبْنَاءُ عَشَرٍ سِنِينَ ، وَ فَرِّقُوهُمْ بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya: Suruhlah anak-anakmu bersolat ketika mana mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (sekiranya mereka tidak mengerjakan solat) ketika mana mereka berumur 10 tahun dan pisahkan tempat tidur antara mereka iaitu anak lelaki dan perempuan. (HR Abu Daud: 495)

Hadis ini menunjukkan bahawa kaedah mendidik kanak-kanak dimulakan dengan galakan pada umur tujuh tahun. Selepas tiga tahun memberi tunjuk ajar secara berhemah, maka barulah Nabi SAW membenarkan ibu bapa untuk merotan anak yang masih ingkar terhadap arahan dan masih melakukan kesalahan yang sama berulang-ulang kali.

Walaupun Islam membenarkan tindakan merotan sebagai pendekatan untuk mendidik, namun perlu diingatkan bahawa ia merupakan satu usaha yang paling akhir selepas mendahuluikan pendidikan dengan penuh hikmah dan disiplin. Dalam Islam konsep *tadarruj* (berperingkat-peringkat) menjadi tunjang utama dalam proses menjalankan hukuman kepada kanak-kanak. terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian sekiranya ingin melaksanakan hukuman fizikal, seperti:

Hukuman rotan tersebut hendaklah merupakan pilihan terakhir, setelah cara-cara didikan lain digunakan. Sememang terdapat banyak dalil daripada sunah yang melarang umat Islam menampar anak di bahagian muka walaupun bertujuan untuk mendidik kerana wajah adalah tempat sangat mulia yang perlu dipelihara.

### **Elakkan merotan ketika sedang marah**

Elakkan merotan pada anggota badan yang sensitif seperti kepala, wajah dan dada seperti yang telah ditetapkan oleh Rasullah SAW. Sabda Nabi SAW:

إِذَا ضَرَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَجْتَنِبِ الْوَجْهَ

**Maksudnya:** “Apabila seseorang kamu memukul maka jauhilah muka.”

Riwayat Ahmad (7323)

Manakala dalam hadis yang lain, Nabi SAW bersabda:

إِذَا قَاتَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَجْتَنِبْ الْوَجْهَ

**Maksudnya:** “Apabila seseorang kamu berperang, jauhilah dari (mencederakan) muka.”

Riwayat al-Bukhari (2559) dan Muslim (6817)

Larangan itu turut meliputi larangan menampar, menumbuk dan sebagainya walaupun yang melakukan perbuatan itu adalah ibu bapa. Perbuatan memukul di bahagian wajah seakan-akan menjatuhkan air muka anak sekali gus mampu memberi kecederaan pada bahagian terbabit.

Elakkan merotan lebih daripada 10 kali, bertepatan dengan hadis Nabi s.a.w.

لَا يَجْلِدْ فَوْقَ عَشْرِ جَلَدَاتٍ إِلَّا فِي حَدِّ مِنْ حَدْوَدِ اللَّهِ

**Maksudnya:** Jangan merotan lebih daripada 10 kali sebatan kecuali pada hukum hudud.

(HR Bukhari: 6456)

Oleh itu, ibu bapa perlu mengambil perhatian bahawa menampar anak adalah dilarang. Jika ingin menegur dan menghukum sekalipun, maka gunakanlah rotan yang tidak mencederakan atau memudaratkan anak. Seentara itu pemilihan roran mestilah bersesuaian dengan umur, tubuh dan kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak. Pastikan kadar rotan yang dikenakan sesuai dengan kesalahan serta cara pukulan pula tidak mendatangkan kemudaratkan sementara tau kecederaan kekal pada tubuh badan anak-anak. Elakkan daripada memukul dengan emosi kerana tujuan asal rotan untuk mendidik telah lari kepada rotan untuk memuaskan nasfu amarah.

Perasaan marah sememangnya mesti dielakkan ketika menjalankan hukum kepada anak-anak. Terdapat juga beberapa titipan yang dianjurkan oleh Baginda SAW dalam usaha mendepani perasaan amarah dalam diri. Antaranya adalah seperti yang berikut:

1. Duduk jika sedang berdiri, berbaring jika sedang duduk

إِذَا غَضِيبَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ قَائِمٌ فَلْيَجْلِسْ فَإِنْ ذَهَبَ عَنْهُ الْغَضَبُ وَإِلَّا فَلْيَضْطَجِعْ

Apabila salah seorang daripada kamu marah sewaktu sedang berdiri, hendaklah dia duduk. Jika kemarahaninya hilang, maka itu baik. Jika tidak, hendaklah dia berbaring (Sunan Abi Daud 4782).

2. Mengambil wudhu

إِنَّ الْغَضَبَ مِنَ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ حُلِقَ مِنَ النَّارِ وَإِنَّمَا ثُطِقَ النَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا غَضِيبَ

أَحَدُكُمْ فَلِيَتَوَضَّأْ

Sesungguhnya kemarahan itu datang daripada syaitan, dan syaitan itu dicipta daripada api, dan api hanya dapat dipadamkan dengan air. Maka jika salah seorang daripada kalian berasa marah, hendaklah dia berwudhu (Sunan Abi Daud 4784).

3. Mengelak daripada Membuat Sebarang Keputusan Besar

لَا يَحْكُمْ أَحَدٌ بَيْنَ اثْنَيْنِ وَهُوَ غَضِيبٌ

Tidak boleh seseorang itu menghakimi antara dua orang dalam keadaan marah (HR Muslim 1717)

4. Diam

إِذَا غَضِيبَ أَحَدُكُمْ فَلِيَسْكُنْ

Maksudnya: Apabila salah seorang daripada kamu berasa marah, hendaklah dia diam (Al-Adab al-Mufrad 245).

## Penutup

Islam itu tidak pernah suka kekerasan dan kekasaran. Adalah tidak benar sama sekali untuk meletak Islam itu agama yang tidak ada toleransi hanya kerana memahami hadis ini secara suratan. Islam memberi penerangan pukulan bagaimana yang dibolehkan dan yang bagaimana harus dielakkan. Tuntasnya bahawa merotan pelajar dengan cara meampau dan menyebabkan kecederaan yang serius adalah haram di sisi agama Islam.

Para pelajar dan anak-anak merupakan amanah daripada Allah SWT untuk dipelihara dan diberi didikan yang sebaiknya. Dalam konteks mendidik, ia bukanlah sekadar dengan merotan dan menghukum, malah ia merupakan satu tanggungjawab yang besar demi melahirkan generasi yang seimbang dari segi rohnai dan jasmani. Lakukanlah gabungan di antara *al-Targhib* (memberi rangsangan) dan *al-Tarhib* (memberi ancaman dan amaran) dalam membentuk peribadi anak-anak dan para pelajar,

## Rujukan

Abdul Wahab, N., Muhammad, N., & Ismail, M. S. (2020). Pengurusan Masalah Disiplin Pelajar: Isu Dan Cabarannya Di Malaysia [Student Disciplinary Management: Issues And Challenges In Malaysia]. *Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal*, 2(2), 43-47. Retrieved from <http://al-qiyam.net/index.php/issj/article/view/39>

Lian, C. P., Chueen, L. L., & Yeong, V. L. Y. (2005, October). Isu-isu masalah disiplin pelajar: pendekatan dan penyelesaian. In Seminar pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (Vol. 15).

Lukman Hakim bin Mohamad Amin, Abdul Hafiz, M. R., Kamarulzalis, M. N. A., Ibrahim, A. H., Mohd Taib, N., Ramlan, N. H., & Husin, M. R. (2019). Masalah Keceluaran Tingkah Laku: Ponteng Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1),

THE 8<sup>th</sup> INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

51 - 64. <https://doi.org/10.36079/lamintang.ij-humass-0201.22>

Yahaya, A. B., & Ahmad, R. B. Masalah-Masalah Disiplin Di Sekolah. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Rahsidi Moamed. 2014, “Merokok Di Kalangan Pelajar Sekolah: Realiti Depan Mata”. The Malaysian Medical Gazette. 26 mei.

Mazlan, M., Yahya, M. A., & Noor, F. N. M. (2016). Fardhu ‘ain sebagai kerangka pembentukan disiplin pelajar di institusi Pendidikan Islam. *Jurnal'Ulwan*, 1(1), 59-73.